

Rawatan Nifaq

- ❑ Jika seseorang itu telah dijangkiti penyakit ini, pertama sekali fikirkanlah tentang akibat penyakit ini, di dunia dan akhirat. Fikirkan bagaimana bukanlah sifat manusia, diciptakan untuk menjadi munafik. Kenangkan apa yang akan terjadi jika telah terbongkar kemunafikannya, sudah tentu akan jatuh kedudukan beliau di mata manusia lain. Mereka sudah tentu akan mengelak menjadi sahabatnya.
- ❑ Seseorang yang mempunyai nifaq akan semestinya gagal mencapai apa-apa kemuliaan dan apa-apa kejayaan. Oleh itu sebagai manusia bermaruah, adalah perlu untuk memusnahkan sifat ini yang menghancurkan maruah dan kehormatan.
- ❑ Di hari Akhirat, rahsia-rahsia yang tersembunyi dari mata manusia, tidak kekal sebagai rahsia di sana. Di sana, mereka akan dibangkitkan sebagai makhluk yang hodoh, dan mempunyai lidah api yang bercabang. Maka sebagai orang yang berakal, buanglah sifat keji dan jahat ini.
- ❑ Orang yang berpenyakit ini, perlulah sentiasa berwaspada dengan perbuatan dan kata-katanya, dan perlu bertindak berlawanan dengan keinginan dalamannya. Lancarkanlah jihad terhadap nafsu dan cuba menambah baik dalaman dan juga luaran secara bersama. Hakimilah perasaan mesra dan permusuhan dengan sebaik-baiknya, dan pohonlah bantuan dari Allah swt agar berjaya melawan sifat syaitani ini. Sesungguhnya, rahmat Allah itu tidak terkira.
- ❑ Jika seseorang itu mengikuti latihan ini selama beberapa hari, jiwanya akan mensuci dan sifat hipokrasi akan menghilang, dan akan bersedia untuk menerima semula rahmat dari Allah swt. [Al-Khumayni, 40 Hadis, Bab 9, hal. 187-96]

Kesimpulan:

- ❑ Nabi Muhammad (s): “Tiga tanda apabila dijumpai pada seseorang, adalah seorang munafik walaupun dia berpuasa dan bersolat serta menyangka dirinya seorang Muslim. Apabila diberi amanah, dia tidak jujur. Apabila bercakap dia berbohong dan apabila berjanji dia memungkiri.” [Al-Kulayni, *al-Kafi*, Jilid.2, hal. 290, hadith # 8]

Maklumat lanjut tentang Islam yang sebenarnya:

<http://al-islam.org/faq/>

Apabila orang-orang munafik datang kepadamu (wahai Muhammad), mereka berkata: “Kami mengakui bahawa sesungguhnya engkau – sebenar-benarnya Rasul Allah”. Dan Allah sememangnya mengetahui bahawa engkau ialah RasulNya, serta Allah menyaksikan bahawa sesungguhnya pengakuan mereka adalah dusta. (Qur'an, 63: 1)

Imam Ja'far al-Sadiq (a) bersabda: "Barangsiapa yang menemui Muslim dengan dua muka dan lidah, di hari Pembalasan, beliau akan datang dengan 2 lidah berapi."
[Al-Kulayni, *al-Kafi* (Akhundi), Jil. 2, hal. 343]

Penyakit Jiwa ...

Hipokrasi (*nifaq*)

Hipokrasi atau penyakit bermuka-muka adalah ciri-ciri kejahatan di mana seseorang itu mempunyai perwatakan luaran yang berbeza dengan dalaman hatinya. Contohnya, seseorang itu mungkin pada luarannya nampak mesra, berkasih sayang, berbelas kasihan dan ikhlas, namun hakikatnya, hati mereka berlawanan dengan sifat luaran itu. Orang seperti ini, akan berkelakuan mulia di hadapan orang lain, dan berbeza apabila mereka tiada. Berdasarkan ajaran Islam, hipokrasi dianggap sebagai kejahatan moral yang merbahaya. Siri kali ini akan membincangkan tentang jenis hipokrasi, kesan dan pengubatannya.

Jenis asas Nifaq

- ❑ **Nifaq Perbuatan:** Penampilan luaran seolah-olah peramah dan ikhlas, namun realitinya berlawanan di dalam hati.
- ❑ **Nifaq Perkataan:** Sifat lidah bercabang adalah apabila seseorang berkata baik di hadapan, tetapi mengutuk, mengumpat atau mencaci di belakang.

Tahap dan Bentuk Nifaq

- ❑ Nifaq kepada Allah swt, yang mana boleh dilakukan oleh seseorang tanpa disedari. Beliau mendakwa bahawa beliau mengimani tauhid Allah swt seluruh hidupnya, mengaku sebagai Muslim dan Mukmin, namun sifat dalamannya bercanggah dengan kata-kata tersebut.
- ❑ Nifaq berkaitan agama Allah, berkaitan kemuliaan, kadang kala berkaitan perbuatan dan amal ibadat atau perbuatan harian dalam kehidupan. Kadang kala seseorang itu boleh juga melakukan nifaq terhadap Nabi(s), Imam(a), dan awliya Allah, para ulama dan Muslimin lain.
- ❑ Nifaq menunjukkan dirinya dalam berbagai bentuk bergantung kepada status seseorang yang mempunyai penyakit ini. Bagi seorang awam, ia boleh dilihat dengan mereka membanggakan keimanan, keikhlasan dan kezuhudan dalam Islam. Bagi ulama, pula, mungkin berbeza, apabila mereka mendakwa akan ketinggian ilmu, kefahaman mantik akan sesuatu perkara, atau berbagai lagi jenis yang tidak dapat disebutkan semua di sini, sementara dalaman mereka tidak seperti yang mereka katakan.

Beberapa tanda dan kesan buruk Nifaq

- ❑ Memberi seseorang itu "hak" untuk mengganggu dan menyakiti orang bawahan, dan tidak teragak-agak untuk menyusahkan mereka, atau mengadakan masalah untuk mereka, bukan sahaja melalui tindakan, tetapi melalui lidah tajamnya, samada secara berhadapan atau belakang dengan memfitnah atau umpatan. Oleh itu, sebagai seorang Muslim yang mana sepatutnya, orang Muslim lain berasa selamat dari tindakan dan lidahnya, menamakan diri sendiri sebagai Muslim, adalah jelas bercanggah dengan tindakan dan perwatakan yang dibawa.
- ❑ Rendah diri dan zuhud di hadapan orang lain. Meninggikan manusia, dan menanggap mereka lebih berkuasa, berpengaruh dan kaya dari Tuhan. Ini bercanggah dengan dakwaan bahawa Tuhan itu maha besar dan segala sembahannya hanya padaNya. Jika perwatakan luaran seseorang itu memang sebenarnya menggambarkan dalamannya, maka beliau tidak akan takut,

tunduk di hadapan kuasa, pengaruh dan kekayaan orang lain.

- ❑ Menjadi rendah diri, zuhud dan takut bila berhadapan dengan segala jenis fenomena luaran, dalam masa yang sama mengabaikan Tuhan yang sebenarnya berkuasa. Dengan keadaan mentaliti ini, beliau masih mendakwa percaya kepada Tauhid Illahi. Orang seperti ini, adalah orang yang keluar dari masyarakat Muslim, dan tergolong dalam kumpulan munafik, dan dibangkitkan bersama mereka.
- ❑ Suka kepada pujian yang diberikan, dan memberontak apabila perkara sebaliknya yang diberi. Jika seseorang itu benar-benar mempercayai dengan kata "segala puji hanya untuk Allah", dan segala kualiti yang dipunyai adalah hadiah dari Allah, maka perwatakan itu mencanggahi dakwaannya bahwa segala puji hanya untuk Allah, dan kurangnya keikhlasan beliau terhadap Tuhan sebagai pencipta dan pemberi.
- ❑ Beria-ia untuk berdampingan dengan golongan kaya, berpengaruh, raja dan bangsawan, dan tidak berminat untuk berdampingan dengan golongan miskin dan memerlukan. Dalam keadaan ini, tauhid dan zuhud seseorang itu tidak asli, kerana semuanya adalah untuk duniawi

Kejahatan Nifaq 0– Sebuah Dialog

- ❑ Wahai kamu yang mendakwa beriman kepada Allah, NabiNya dan hari Akhirat! Jika kamu orang yang beriman, kamu tidak akan berasa aman selagi masih hidup di dunia ini dan meluangkan setiap detik dalam hidup kamu membina untuk kehidupan selamanya. Kamu sepatutnya berlindung dari dunia ini dan godaannya. Jika benar kamu percaya pada seksa, kegelapan dan kesusahan yang bakal melanda, dan apa yang menunggu mereka yang melakukan kejahatan dan mempunyai rasa cinta dunia, maka mengapa kamu tidak berhenti dari sekadar kata-kata dan dakwaan? Mengapa tindakan kamu bercanggah dengan kata-kata dan perwatakan kamu? Mengapa tidak kamu fikirkan perjalanan kematian, yang penuh dengan kesusahan? Hari kamu telah berlalu, tetapi kamu masih tidak melepaskan nafsu dan keinginan kamu. Waktu kematian kamu kian menjelang, namun kamu masih lalai dalam perbuatan jahat dan terperangkap dalam perbuatan tidak elok.
- ❑ Ya Tuhan, kejutkanlah kami dari jampi tidur lena, dan pulangkan kami kepada kesedaran dari keadaan mabuk dan tidak sedar diri. Suluhlah hati kami dengan cahaya keimanan dan kasihnilah kami. Kami adalah hamba mu yang lemah dan hina. Kaulah yang membantu kami dan mengeluarkan kami dan genggaman syaitan, demi hak hamba mu yang terpilih, Muhammad dan keturunan suci, solawat ke atas mereka semua